UMNO

1972

ALOR SETAR, 16 MEI (BERNAMA) -- MENTERI BESAR KEDAH, DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN, TELAH MELANTEK DR. MAHATHIR BIN MOHAMED MENJADI SETIAUSAHA JAWATANKUASA TINDAKAN UMNO KEDAH.

DATO SYED AHMAD YANG MENGPENGERUS KAN JAWATANKUASA ITU BERKATA HARI INI PERLANTEKAN-NYA ITU ADA-LAH SELARAS DENGAN TUJUAN UNTOK MENYUSUN SEMULA UMNO KEDAH BAGI MELICHINKAN LAGI PENTADBIRAN DAN PERJALANAN PARTI.

BELIAU JUGA TELAH MELANTEK LIMA ORANG LAIN MENJADI AHLI JAWATAN-KUASA TERSEBUT.

MEREKA IA-LAH, DATO SYED NAHAR SHAHABUDDIN, AHLI EXCO DAN PENGERUSI MADA, ENCHE AZAHARI TAIB, AHLI PARLIMEN KAWASAN SUNGAI PETANI, ENCHE ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIL, SA-ORANG PEGUAM DAN JUGA SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KEBAJIKAN AM, ENCHE ABU BAKAR BIN RAUTIN, SA-ORANG PEGUAM DAN SETIAUSAHA POLITIK MENTERI BESAR, ENCHE ABDULLAH AFFENDI.

MENTERI BESAR YAKIN AHLI2 BARU JAWATANKUASA INI AKAN DAPAT MENJALANKAN TUGAS2 MEREKA DAN MEMPERKUATKAN LAGI KEDUDOKAN UMNO NEGERI INI. --BERNAMA. 1900/ID